

27/04/2002

Tindakan tegas kepada pihak pergunakan Islam disokong

Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kenyataan Perdana Menteri berhubung tindakan tegas yang akan dikenakan terhadap mana-mana pihak yang cuba mempergunakan agama Islam untuk kepentingan peribadi dan politik, dianggap sebagai satu amaran dan peringatan serius kepada umat Islam secara keseluruhan.

Pelbagai pihak yang menyambut baik kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, turut menyifatkan ia dibuat tepat pada masanya, apa lagi banyak isu yang dikaitkan dengan Islam dilaporkan berlaku sejak kebelakangan ini.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata kenyataan Perdana Menteri itu adalah satu peringatan kepada umat Islam dan ia dibuat tepat pada masanya kerana sudah ada pihak yang berani menyalahgunakan pandangan agama, seperti ada yang meletakkan tindakan militan sebagai satu tindakan biasa umat Islam.

Muhammad berkata, perkara ini tidak seharusnya berlaku kerana ada banyak lagi tanggungjawab umat Islam seperti menguasai ilmu untuk menjadi pakar dalam pelbagai bidang, termasuk sains dan teknologi, kewangan dan pembangunan insan.

"Islam menyeru kita supaya menjadi umat cemerlang. Jadi tindakan yang dibuat sesetengah pihak dengan menggunakan kekerasan, bukan mencerminkan peranan sebenar umat Islam.

"Ia adalah ajaran yang salah dan sewajarnya kerajaan bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba mempergunakan agama Islam untuk kepentingan peribadi mahu pun politik," katanya ketika dihubungi hari ini.

Dalam ucapan tahniah dan ikrar taat setia di istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-12, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, di Istana Negara, semalam, Dr Mahathir berkata, tindakan tegas perlu diambil terhadap mereka yang mempergunakan agama Islam untuk kepentingan peribadi serta politik, untuk mengelakkan umat Islam di negara ini menjadi lemah dan porak-peranda.

Kerajaan katanya, akan memastikan agama Islam tidak diseleweng untuk kepentingan mana-mana pihak dan sebagai agama suci, kerajaan akan memastikan Islam tidak dicemar atau dihina.

Muhammad turut mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana berjaya menangani pelbagai isu membabitkan umat Islam dan berjaya menjamin keamanan di negara ini dengan bertindak tegas terhadap kumpulan militan serta pelampau agama.

Sementara itu, bekas imam masjid Putrajaya, Tan Sri Abdul Kader Talib, berkata kenyataan Dr Mahathir itu adalah satu peringatan pemerintah kepada rakyatnya.

Sebagai pemimpin negara Islam, memang sewajarnya Perdana Menteri membuat peringatan sedemikian, apa lagi dalam keadaan sekarang yang mana tahap keberanian manusia sudah keterlaluan dan melebihi batasan.

Katanya, dalam masyarakat hari ini ada kalangan umat Islam sendiri sanggup menggunakan nama Islam untuk hajat yang tidak betul, termasuk untuk mencapai cita-cita peribadi mereka.

"Jika benar dan terbukti ada pihak yang sanggup menggunakan agama Islam untuk kepentingan peribadi dan politik, sewajarnya tindakan tegas dikenakan terhadap mereka.

"Apa yang membimbangkan ialah kepercayaan dalam Islam di kalangan sesetengah anggota masyarakat hari ini, tidak lagi untuk keselamatan dunia dan akhirat, tetapi sudah sampai kepada hajat.

"Mereka yang lemah akan mudah terpedaya dan terpesong dengan ajakan sedemikian. Oleh itu umat Islam perlu menganggap kenyataan Perdana Menteri itu sebagai amaran supaya mereka lebih berhati-hati, demi menjaga imej Islam," katanya.

Diminta mengulas isu sama pada satu sidang media di sini hari ini, Ketua Wanita Keadilan, Fuziah Salleh, berkata memang wajar bagi sesebuah kerajaan Islam itu bertindak tegas jika ada yang menyalahgunakan nama Islam dari segi prinsip.

"Tapi kita kena teliti juga apa yang dimaksudkan Perdana Menteri dengan menggunakan agama Islam...apakah ia bermaksud dalam parti atau persatuan tidak boleh ada nama Islam?."

"Jika menggunakan nama Islam dalam persatuan seperti Persatuan Islam, rasanya tidak salah. Tapi jika ada yang menggunakan Islam untuk kepentingan peribadi dan memanipulasi fatwa untuk kepentingan peribadi, ia adalah salah dan kita setuju tindakan tegas harus diambil," katanya.

(END)